



**MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Pembekal/Syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang masih sah di bawah kod bidang yang berkaitan serta pemborong juga hendaklah berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** dan **Majlis Perbandaran Kuala Selangor** bagi kerja-kerja seperti berikut :-


BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
1.	PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR CENDERAHATI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR TAHUN 2021 No. Sebutharga : MPKS SH 162 / 2021	030201 (Sukan, Rekreasi Dan Alat Muzik(Peralatan, Bekalan Dan Aksesori Sukan Dan Rekreasi) – Cenderamata) Atau 030299 (Pembuat)	Mulai 12.11.2021 Hingga 18.11.2021	RM 50.00	19.11.2021 (jam 12 t/hari)

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga boleh dibeli secara online melalui laman web <https://ip3ks.mpks.gov.my> bermula 12 November 2021 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Pembekal/Syarikat perlu mengemukakan salinan **Sijil Perakuan Pendaftaran** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa menghantar dokumen tawaran sebut harga. Sila kemukakan juga salinan pendaftaran syarikat dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** serta salinan penyata bulanan bank (tiga bulan) yang terkini dan telah disahkan bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor di di **Aras Bawah, Majlis Perbandaran Kuala Selangor** sebelum atau pada **19 November 2021** , jam 12.00 tengahari.

Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.



.....
(RAHILAH BINTI RAHMAT A.M.S.)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
QS/akm/iklan sh/091121/PPNFASA4

Tarikh : 12 November 2021